

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia

Tarikh : 11/11/2024

Edisi / Muka Surat : Nasional / 26

Tajuk : ANGKASA OPTIMIS TERUSKAN LEGASIGERAKAN KOPERASI

26

Utusan Malaysia
ISNIN • 11 NOVEMBER 2024

KORPORAT • RINGGIT

ANGKASA OPTIMIS TERUSKAN LEGASI GERAKAN KOPERASI

Oleh ZAKKINA WATI
AHMAD TARMIZI

zakkina.tarmizi@mediamulja.com.my

PETALING JAYA: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) yakin dan optimis meneruskan legasi kejayaan bagi membawa gerakan koperasi Malaysia ke tahap yang lebih tinggi dan mencapai sasaran RM73 bilion perolehan yang ditetapkan oleh kerajaan pada 2030.

Presidennya, Datuk Seri Abdul Fattah Abdullah berkata, sebagai badan puncak gerakan koperasi yang diiktiraf oleh kerajaan, pihaknya bekerjasama dengan kerajaan, pemain industri utama dan pihak berkepentingan bagi memastikan koperasi

dapat menceburi sektor-sektor baharu yang mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi.

“Melihat ke hadapan, pelbagai peluang sedang dan telah diteroka oleh Angkasa bagi memastikan gerakan koperasi terus relevan dan berdaya saing dalam ekonomi domestik dan juga global.

“Dengan perubahan landskap ekonomi yang semakin dinamik, Angkasa terus memanfaatkan teknologi digital, serta meningkatkan keterlibatan gerakan koperasi dalam hal ini bagi memperluaskan jaringan koperasi serta memberikan nilai tambah kepada ahlinya,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Melalui Mesyuarat Agung Perwakilan Angkasa ke-38, seba-



ABDUL FATTAH ABDULLAH

nyak RM30 juta peruntukan telah diluluskan secara sebulat suara bagi menjalankan pelbagai pro-

jek antaranya pembangunan industri koko melibatkan koperasi dan rakan strategik bagi Projek Inkubator Koko : Pusat Pemprosesan Coklat ‘Single Origin’ yang akan menghasilkan coklat premium yang dihasilkan daripada biji koko kering yang dikeluarkan oleh Ladang Koko Koperasi.

Angkasa juga turut menumpukan kepada Projek Pembangunan Perniagaan Koperasi dan Projek Keterjaminan Makanan seperti Projek Rintis Ternakan Ayam melibatkan dua pembekal input dan pusat penyembelihan dengan kapasiti sebanyak 200,000 ekor setiap hari.

Selain itu, Projek Ternakan Lembu Tenusu sedang berjalan di mana 59 ekor lembu tenusu dengan hasil 117998.8 liter susu

bagi 2023 dan 2024.

Dalam pada itu, beberapa projek strategik selari dengan perkara yang telah digariskan dalam Pelan Strategik ANGKASA 2050 (PESAN50) akan diteruskan dan dilaksanakan pada tahun hadapan.

Ini termasuk projek-projek yang telah diberikan tanggungjawab untuk dibangunkan oleh angkasa di peringkat negeri sesuai dengan lokaliti dan keperluan setempat.

“Di samping itu secara tidak langsung memberi peluang untuk koperasi terlibat dalam projek tersebut yang dijangka akan memberi impak positif dan menyumbang perolehan yang lebih tinggi untuk gerakan ini di seluruh negara,” katanya.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA